

# **BAB 3**

# **METHODOLOGI KAJIAN**

## **BAB 3**

### **METHODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 Pengenalan**

Bab ini menerangkan Bentuk Kajian, Analisa Unit, Alatan Kajian Soal Selidik, Prosedur Sampling dan Skel Pengukuran Orentasi Pembelajaran. Kajian ini dilaksanakan meliputi pengumpulan data sekunder dan data primer bagi mengenalpasti punca/bentuk masalah. Maklumat yang diperolehi juga memberi gambaran umum tentang sejarah serta latarbelakang Askar Wataniah. Selain daripada itu, data-data statistik diperolehi daripada Pegawai Staf di Bahagian Pasukan Simpanan, Markas Tentera Darat. Sementara data primer diperolehi melalui kaedah kaji selidik dengan mengadakan soalan kajian keatas anggota-anggota Askar Wataniah.

#### **3.2 Bentuk Kajian**

Bentuk kajian keatas objektif yang telah di gariskan dibahagikan kepada beberapa peringkat seperti di Jadual 3.1.

**Jadual 3.1 Peringkat Kajian**

<b>Peringkat</b>	<b>Penjelasan</b>
Peringkat pertama	Mengenalpasti objektif kajian yang akan dilaksanakan

### Jadual 3.1 Peringkat Kajian(Sambungan)

Peringkat kedua	Mengenalpasti corak penyelidikan yang akan dilaksanakan. Penyelidik menggunakan kaedah kaji selidik dengan memberi soalan kepada responden di sekitar kawasan Formasi 2 Briged
Peringkat ketiga	Memperolehi data-data daripada responden iaitu seramai 150 anggota Askar Wataniah yang terdiri daripada anggota Batalion 303 Infantri Askar Wataniah, Batalion 304 Infantri Askar Wataniah dan Rejimen 503 Askar Wataniah
Peringkat keempat	Mengumpul data, menyunting dan menyusun data. Dalam peringkat ini penyelidik telah menyemak semua jawapan soalselidik dari segi ketepatannya. Melaksanakan proses pengkodan. Penyediaan data asas menggunakan komputer melalui SPSS.
Peringkat Kelima	Memproses dan menganalisa data , didalam peringkat ini segala data-data yang diperolehi akan dianalisa dan diperoses bagi menentukan realibility dan signifikan keatas hipotesis yang telah ditetapkan.
Peringkat keenam	Membuat ulasan, kesimpulan dan laporan.

### 3.3 Alatan Kajian Soal Selidik

Alatan kajian ini adalah terdiri dari 41 soalan di dalam 9 mukasurat yang dibahagikan kepada 5 bahagian seperti di **Kembaran D**.

**Bahagian A**. Mengandungi soalan-soalan berkaitan dengan profail data demografi responden. Ianya mengandungi 9 skala secara 'simple attitude scale'. Skala pengukuran bahagian ini menggunakan skil 'nominal'.

**Bahagian B**. Direka bagi mengenalpasti dasar-dasar sediaada berkaitan dengan keanggotaan Askar Wataniah dan Dasar Pertahanan Negara (HANRUH). Ianya mengandungi 7 soalan kenyataan aktiviti berpandukan kepada 5 point skala likert berikut; 1 = Sangat Tidak Setuju, 2 = Tidak Setuju, 3 = Kurang Setuju, 4 = Setuju dan 5 = Sangat Setuju. Skala pengukuran bahagian ini menggunakan skil 'interval'.

**Bahagian C**. Mengenalpasti samada pengurusan sumber manusia di dalam pasukan-pasukan Askar Wataniah yang dipilih dapat mempengaruhi para anggota sukarela untuk bergiat aktif di dalam memainkan peranan sebagai Askar Wataniah dan kekal didalam perkhidmatan. Ianya mengandungi 11 soalan kenyataan aktiviti berpandukan kepada 5 point skala likert berikut ; 1 = Sangat Tidak Setuju, 2 = Tidak Setuju, 3 = Kurang Setuju, 4 = Setuju dan 5 = Sangat Setuju. Skala pengukuran bahagian ini menggunakan skil 'interval'.

**Bahagian D.** Responden akan ditanya berkaitan dengan aspek latihan, samada ianya memberi faedah dan kesan yang baik kepada anggota-anggota sukarela Askar Wataniah. Terdapat 16 soalan berpandukan kepada 5 point skala likert berikut ; 1 = Sangat Tidak Setuju , 2 = Tidak Setuju, 3 = Kurang Setuju, 4 = Setuju dan 5 = Sangat Setuju. Sukatan pengukuran bahagian ini menggunakan skil 'interval'.

**Bahagian E.** Berkaitan dengan logistik dan elaun. Menyemak samada kemudahan logistik dan peruntukan elaun sedia ada mencukupi atau sebaliknya. Terdapat 4 soalan berpandukan kepada 5 point skala likert seperti berikut ; 1 = Sangat Tidak Setuju, 2 = Tidak Setuju, 3 = Kurang Setuju, 4 = Setuju dan 5 = Sangat Setuju. Sukatan pengukuran bahagian ini juga menggunakan skil 'interval'.

### **3.4 Prosedur Sampling**

Kajian tertumpu kepada anggota-anggota Askar Wataniah dari 3 buah pasukan disekitar Negeri Perak iaitu daripada Batalion 304 Infantri Askar Wataniah yang berpangkalan di Gerik, Perak, Batalion 303 Infantri Askar Wataniah yang berpangkalan di Pengkalan Hulu, Perak dan Rejimen 503 Askar Wataniah yang berpangkalan di Ipoh, Perak. Pasukan-pasukan ini dipilih adalah berdasarkan beberapa kretaria seperti berikut:

Penyelidik pernah bertugas disekitar unit-unit Askar Wataniah di Kawasan Negeri Perak dan mempunyai perhubungan yang baik dengan unit-unit yang dipilih sebagai responden.

Mudah mendapatkan responden kerana sebahagian daripada pegawai-pegawai dan anggota yang dipilih dikenalpasti boleh memberi kerjasama yang baik di dalam menjawab soalan-soalan kajian yang dikemukakan.

Anggota-anggota kerahan daripada pasukan Askar Wataniah Siri 300 mempunyai pengalaman yang luas bagi memberi data-data yang diperlukan untuk kajian ini.

Penerangan secara ringkas telah diberi kepada semua responden tentang cara-cara menjawab soalan. Bagaimanapun responden diberi kebebasan untuk menjawab mengikut pandangan dan pendapat masing-masing sesuai dengan soalan yang diberikan. Sebanyak 150 set soalan telah diedarkan. Contoh soalan kaji selidik yang lengkap adalah seperti di **Kembaran D**. Jumlah anggota Askar Wataniah yang dipilih untuk kajian soalselidik ditunjukkan di Jadual 3.2.

**Jadual 3.2 Bilangan Responden Mengikut Tempat Dan Unit**

Bil	Kawasan	Jumlah Anggota	Jumlah Responden	Catatan
1.	Gerik, Perak	774	50	Batalion 304 Infantri Askar Wataniah
2.	Pengkalan Hulu, Perak	625	50	Batalion 303 Infantri Askar Wataniah

**Jadual 3.2 Bilangan Responden Mengikut Tempat Dan Unit (Sambungan)**

3.	Ipoh, Perak	700 ( anggota yang aktif)	50	Rejimen 503 Askar Wataniah
	<b>Jumlah</b>	<b>2099</b>	<b>150</b>	

Hanya seramai 50 anggota sahaja yang dipilih sebagai responden dari setiap pasukan kerana mengambilkira jumlah anggota yang benar-benar aktif dan yang hadir menjalani latihan secara konsisten.

Bagi teknik pengumpulan data, kajian menggunakan pendekatan soalan 'close ended question' dan berbentuk 'self-administered questionnaire'. Responden yang dipilih diberi penerangan dengan jelas berkaitan cara-cara mengisi borang soal-jawab dan diberi masa untuk melengkapkan jawapan. Soalan-soalan itu kemudiannya dikutip semula dari responden dan dikumpulkan. Kajian dibuat semasa anggota sukarela menjalani latihan dipasukan-pasukan mulai jam 8 a.m. hingga jam 1 p.m. Semua data berjaya dikumpulkan semula selama 2 minggu.

### **3.5 Skil Pengukuran Orentasi Pembelajaran**

Jadual 3.3 menunjukkan skil pengukuran orientasi pembelajaran dari Bahagian B hingga Bahagian E.

**Jadual 3.3 Skil Pengukuran Orentasi Pembelajaran**

'Construct'	Pengukuran Yang Asal	Pengukuran Yang Digunakan Dalam Kajian Ini
<b><u>BAHAGIAN B: DASAR DAN POLISI</u></b>		
<p>Dasar dan Polisi (Romainor, 2003)</p>	<p>1. Dasar Pertahanan Negara yang ada sekarang memainkan peranan yang penting di dalam organisasi Askar Wataniah</p> <p>2. Dasar dan polisi Askar Wataniah yang ada sekarang memainkan peranan yang penting di dalam organisasi</p> <p>3. Dasar dan Polisi yang sedia ada difahami oleh semua peringkat anggota Askar Wataniah</p> <p>4. Pengurusan Askar Wataniah adalah berlandaskan kepada Dasar dan Polisi yang sedia ada.</p>	<p>1. Sama</p> <p>2. Sama</p> <p>3. Sama</p> <p>4. Sama</p>



**Jadual 3.3 Skil Pengukuran Orentasi Pembelajaran(Sambungan)**

<p>(Ulasan dan Temuramah, Yusof Sebli, Pegawai Staf, Bahagian Pasukan Simpanan, 2004)</p>	<p>5. Dasar dan Polisi yang sedia ada adalah seiring dengan keadaan dan keperluan semasa.</p> <p>-</p> <p>-</p>	<p>5. Sama</p> <p>6. Dasar dan Polisi yang sedia ada perlu dibuat kajian semula dan dikemaskini sesuai dengan keadaan semasa</p> <p>7. Birokrasi Polisi dan dasar-dasar yang sedia ada menghadkan seseorang untuk memasuki Askar Wataniah</p>
---	---	---

**BAHAGIAN C: PENGURUSAN SUMBER MANUSIA**

<p>Pengurusan Sumber Manusia</p> <p>(Romainor, 2003)</p>	<p>1. Jika diberi peluang, saya ingin melanjutkan perkhidmatan saya.</p> <p>2. Pasukan mengambil berat tentang kebajikan saya.</p> <p>3. Saya galakkan anak-anak muda memasuki tentera.</p>	<p>1. Sama</p> <p>2. Sama</p> <p>3. Sama</p>
--	---	--

**Jadual 3.3 Skil Pengukuran Orentasi Pembelajaran(Sambungan)**

<p>(Ulasan dan Temuramah, Yusof Sebli , Pegawai Staf, Bahagian Pasukan Simpanan, 2004)</p>	<p>4. Saya akan memberi perkhidmatan yang terbaik kepada unit.</p>	<p>4. Sama</p>
	<p>5. Saya minat berkhidmat di dalam pasukan ini.</p>	<p>5. Sama</p>
	<p>6. Saya sedia untuk digerakkan dalam masa yang ditetapkan.</p>	<p>6. Sama</p>
	<p>7. Saya tidak menghadapi sebarang masalah untuk menggunakan kemahiran saya dalam melaksanakan tugas harian.</p>	<p>7. Sama</p>
	<p>-</p>	<p>8. Saya berkhidmat dalam Askar Wataniah kerana ingin berbakti kepada negara.</p>
	<p>-</p>	<p>9. Saya berkhidmat di dalam Askar Wataniah kerana untuk menambah pendapatan.</p>

**Jadual 3.3 Skil Pengukuran Orentasi Pembelajaran(Sambungan)**

	-	10. Perkhidmatan Askar Wataniah membentuk disiplin dan mempertingkatkan keyakinan diri saya.
	-	11. Majoriti anggota Askar Wataniah merasa bangga menjadi anggota pasukan ini

**BAHAGIAN D: LATIHAN**

Latihan  (Romainor, 2003)	<p>1. Latihan tidak dapat dijalankan dengan berkesan kerana tugas-tugas tambahan pasukan.</p> <p>2. Latihan Ketenteraan memberi motivasi kepada saya untuk berjaya dalam perkhidmatan.</p> <p>3. Saya berpuas hati terhadap latihan-latihan dan eksekusi yang di adakan di pasukan.</p>	<p>1. Sama -</p> <p>2. Sama</p> <p>3. Sama</p>
---------------------------------	---	--

**Jadual 3.3 Skil Pengukuran Orentasi Pembelajaran(Sambungan)**

	4. Latihan diberikan keutamaan oleh setiap lapisan pemerintahan pasukan.	4. Sama
	5. Kursus-kursus yang dirancang oleh pasukan adalah bersesuaian dengan tanggungjawab saya	5. Sama
	6. Saya melaksanakan latihan hanya untuk memenuhi keperluan perkhidmatan sahaja.	6. Sama. -
	7. Peralatan latihan adalah mencukupi untuk melaksanakan latihan.	7. Sama.
	8. Latihan yang diadakan dipasukan meningkatkan kemahiran dalam tugas dan tanggungjawab saya.	8. Sama

**Jadual 3.3 Skil Pengukuran Orentasi Pembelajaran(Sambungan)**

	<p>9. Latihan yang dijalankan di pasukan mendapat komitmen semua peringkat.</p> <p>10. Kaedah latihan yang dilaksanakan adalah secara teori dan pratikal.</p> <p>11. Jangkamasa latihan dan ekksesais di pasukan adalah mencukupi.</p> <p>12. Pasukan mempunyai tenaga pengajar/jurulatih yang berkelayakan untuk latihan yang dilaksanakan.</p>	<p>9. Sama</p> <p>10. Sama</p> <p>11. Sama</p> <p>12. Sama.</p>
--	--	---

**Jadual 3.3 Skil Pengukuran Orentasi Pembelajaran(Sambungan)**

<p>(Ulasan dan Temuramah, Yusof Sebli , Pegawai Staf, Bahagian Pasukan Simpanan, 2004)</p>	<p>-</p> <p>-</p> <p>-</p> <p>-</p>	<p>13. Latihan yang dijalankan di dalam pasukan amat bermanfaat kepada saya.</p> <p>14. Latihan yang diadakan mengikut jadual latihan yang dikeluarkan.</p> <p>15. Latihan yang dilaksanakan tidak menjurus kepada tahap untuk meningkatkan tahap kesiapsiagaan pasukan.</p> <p>16. Pada keseluruhannya latihan dipasukan telah memberi keyakinan kepada saya untuk menghadapi tugas-tugas di medan.</p>
<p><b><u>BAHAGIAN E: LOGISTIK DAN ELAUN</u></b></p>		
<p>(Ulasan dan Temuramah, Yusof Sebli Pegawai Staf, Bahagian Pasukan Simpanan, 2004)</p>	<p>-</p> <p>-</p>	<p>1. Saya berpuashati dengan kadar elaun yang diperuntukan</p> <p>2. Saya berpuashati dengan kemudahan-kemudahan yang disediakan</p>

**Jadual 3.3 Skil Pengukuran Orentasi Pembelajaran(Sambungan)**

	-	3. Sistem senggaraan yang ada dapat memberikan keberkesanan kepada pasukan di dalam melaksanakan tugas
	-	4. Saya berpuashati dengan keadaan bangunan dan infrastruktur-tempat tinggal

### 3.6 **Ringkasan Bab**

Secara keseluruhannya bab ini menerangkan kaedah methodologi kajian yang dilaksanakan, bentuk dan alatan kajian, huraian tentang peraturan pengambilan data, kaedah pengumpulan data dan data analisa teknik. Ianya meliputi proses pengumpulan data-data yang relevan bagi menentukan tidak ada responden yang 'bais'. Ianya bersistematik dengan menggunakan sistem SPSS. Data-data dikumpulkan melalui kaedah 'survey' dengan memberi soalan-soalan kepada responden di kawasan tanggungjawab Markas 2 Briged Infantri iaitu di Batalion 303 Infantri AW, Batalion 304 Infantri AW di Gerik, Perak dan di Rejimen 503 AW yang berpangkalan di Ipoh, Perak. Disamping itu juga data-data sekunder diperolehi daripada pegawai staf, Bahagian Pasukan Simpanan, Markas Tentera Darat dengan cara mengadakan temuramah. Keseluruhannya sebanyak 150 soalan telah diedarkan dimana

pecahannya adalah sebanyak 50 soalan bagi setiap pasukan. Soalan-soalan yang dikemukakan berbentuk 'open ended question' yang dibahagikan kepada lima bahagian iaitu Bahagian A - Profil Demografi, Bahagian B - Dasar dan Polisi, Bahagian C - Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian D - Latihan dan Bahagian E - Logistik dan Elaun.